

## **Penerapan Kemahiran ‘Employability’ Di Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang, Johor Bahru.**

Noraini Mohd Noor & Noor Murni Abd Sukor  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak :** Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk mengenal pasti penerapan kemahiran ‘employability’ yang diterapkan oleh tenaga pengajar di Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang (ILPPG). Dalam konteks kajian ini, hanya tiga elemen yang dikaji iaitu penerapan kemahiran akademik, kemahiran mengurus diri dan kemahiran kerja kumpulan. Seramai 48 orang responden yang terlibat dalam kajian ini. Set soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk kajian ini. Kaedah sekala likert 5 mata digunakan untuk mendapatkan maklumat. Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan peratusan. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sceince (SPSS) versi 11.5. Hasil kajian menunjukkan bahawa penerapan kemahiran akademik yang diterapkan oleh tenaga pengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran ialah kemahiran berkomunikasi, kemahiran mengurus sumber, kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah dan kemahiran menggunakan nombor. Manakala dalam penerapan kemahiran mengurus diri pula tenaga pengajar menerapkan kemahiran bersikap positif, bertanggungjawab dan kemahiran menyesuaikan diri. Akhir sekali, kemahiran kerja kumpulan pula yang diterapkan oleh tenaga pengajar ialah kemahiran bekerjasama dengan orang lain dan kemahiran melibatkan diri di dalam sesuatu projek atau kumpulan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keseluruhan responden telah diberi penerapan kemahiran ‘employability’. Ini kerana peratusan purata setiap soalan kajian berada pada tahap tinggi iaitu melebihi 80%.

*Katakunci :* kemahiran employability, Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang

### **Pengenalan**

Misi nasional yang dikemukakan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) bukan sahaja berpaksikan usaha merealisasikan Wawasan 2020 yang hanya tinggal 12 tahun sahaja lagi, tetapi juga bertujuan untuk membina tamadun negara yang dihuni oleh masyarakat berkeperibadian mulia di sebuah negara kelas pertama menjelang tahun tersebut. RMK-9 menyatakan bahawa modal insan berkualiti merupakan objektif yang paling penting bagi mencapai Misi Nasional ini.

Bagi melahirkan modal insan yang berkualiti, produktiviti dalam pekerjaan perlu dipertingkatkan. Penyelarasan antara pendidikan dan perkerjaan perlu diberi penekanan supaya penghasilan dalam pendidikan memenuhi keperluan dan kehendak majikan. Hal ini akan menyebabkan berlakunya peningkatan dalam mutu pengeluaran.

Pendidikan kemahiran ‘employability’ dan pembelajaran sepanjang hayat akan menjadi kunci kejayaan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran ‘employability’, pengetahuan ‘employability’ dan keupayaan ‘employability’ jika digabungkan bersama nilai positif, sikap positif serta adap tatasusila masyarakat timur, akan melahirlah Bangsa Malaysia yang cintakan negara serta menghormati perlembagaan dan Rukun Negara.

Selain itu, kebanyakan taksiran kemahiran ‘employability’ hanya menfokuskan aspek personaliti sikap, tabiat dan kelakuan, teknik berkomunikasi, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan proses mengurus sebuah organisasi (Lankard, 1990). Menurut Motel kerangka kemahiran ‘employability’ yang didefinisikan oleh Rashid dan Yahaya (2003), kemahiran ‘employability’ mempunyai tiga kemahiran utama iaitu kemahiran akademik, kemahiran mengurus diri dan kemahiran berpasukan.

Gainer (1998), dalam Lankard (1990), merumuskan kemahiran “employability” sebagai ketrampilan individu, kebolehpercayaan individu, kemahiran pengubahsuaian ekonomi dan

kemahiran berorganisasi, berkomunikasi, kemahiran berkelompok dan berbudaya manakala kemahiran kebolepercayaan individu merangkumi pengurusan individu, etika dan kemahiran vokasional, kemahiran pengubahsuaian ekonomi meliputi; menyelesaikan masalah, kemahiran membuat keputusan dan pembangunan kerjaya. Kemahiran berorganisasi secara efektif pula meliputi kemahiran interpersonal, kemahiran perundingan, kreativiti dan kepimpinan.

Oleh itu, pihak institusi pendidikan haruslah memberikan penekanan terhadap kemahiran 'employability' disamping kemahiran teknikal supaya pelajar dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja sewaktu mereka memasuki alam pekerjaan.

### **Pernyataan Masalah**

Berdasarkan sorotan kajian, para majikan hari ini memerlukan para pekerja yang bukan sahaja berkemahiran teknikal tetapi juga memiliki pelbagai kemahiran pekerjaan termasuklah kemahiran 'employability' (Murnane dan Levy, 1996; Robinson, 2000).

Kajian terdahulu mendapati majikan memerlukan pekerja yang mempunyai elemen kemahiran 'employability' seperti sikap positif, kemahiran efektif, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran membuat keputusan, daya usaha, interpersonal dan juga kemahiran memimpin (Robinson 2000). Oleh itu, kajian ini dibuat adalah untuk mengenal pasti penerapan kemahiran 'employability' yang diterapkan oleh tenaga pengajar di Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang (ILPPG) semasa proses pengajaran dan pembelajaran dari perspektif para pelajar.

### **Objektif Kajian**

Secara amnya tujuan kajian ini di jalankan adalah untuk mengetahui penerapan kemahiran 'employability' yang diterapkan oleh tenaga pengajar di ILP Pasir Gudang dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

Objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

1. Mengetahui kemahiran akademik yang diterapkan oleh tenaga pengajar dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Mengetahui kemahiran mengurus diri yang diterapkan oleh tenaga pengajar dalam pengajaran dan pembelajaran.
3. Mengetahui elemen-elemen kemahiran 'employability' yang kerap diterapkan oleh tenaga pengajar di ILPPG dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
4. Mengetahui kemahiran kerja kumpulan yang diterapkan oleh tenaga pengajar dalam pengajaran dan pembelajaran.

### **Kepentingan Kajian**

Berdasarkan tinjauan dan sorotan kajian yang lepas, pengetahuan dan kemahiran 'employability' merupakan aspek yang sangat berpengaruh dalam memastikan kejayaan industri. Oleh itu, bagi memastikan mereka mempunyai kemahiran 'employability' setelah tamat belajar, tenaga-tenaga pengajar yang mengajar mereka haruslah menyemaikan kemahiran 'employability' terlebih dahulu dalam diri pelajar.

Pelajar di ILPPG merupakan aset sumber tenaga manusia yang akan menjadi tunggak pemangkin kejayaan negara. Sekarang ini negara amat memerlukan mereka mempunyai kemahiran 'employability' sebelum mereka tamat pengajian.

Adalah diharapkan hasil penyelidikan ini akan dapat membantu pihak yang berkaitan memberikan perhatian kepentingan kemahiran 'employability' diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya dapat mengurangkan masalah pengangguran yang semakin meningkat sekarang ini.

## **Kaedah Kajian**

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan deskriptif. Banyak kelebihan yang terdapat melalui penggunaan kaedah ini. Antara kelebihan yang terdapat ialah ia amat berguna untuk mengukur pendapat, sikap dan tingkahlaku. Keseluruhan populasi pelajar di ILPPG telah dijadikan sampel dalam kajian ini. Manakala pemilihan sample kajian adalah menggunakan pemilihan sampel tidak rawak bertujuan seramai 48 orang pelajar.

Instrumen kajian menggunakan soal selidik. Menurut Mohd Najib (1999) dan Mohd Majid (1990), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan untuk mencapai tujuan kajian dengan perbelanjaan yang sederhana.

## **Skop Kajian**

Kemahiran 'employability' yang hendak dikaji telah dikenalpasti sebagai kemahiran yang diperlukan oleh para pekerja berdasarkan sorotan kajian yang dibuat. Kemahiran 'employability' yang dikaji ialah:

- a) Kemahiran akademik meliputi kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran berfikir secara kritikal.
- b) Kemahiran berpasukan / berkumpulan iaitu bekerja dengan orang lain dan keterlibatan dalam projek.
- c) Kemahiran mengurus diri yang terdiri daripada kebolehan bersikap positif, kebolehan bertanggungjawab dan kebolehan menyelesaikan masalah.

## **Batasan Kajian**

Secara amnya kajian ini merupakan satu tinjauan yang ingin mengenalpasti elemen-elemen kemahiran 'employability' yang diterapkan oleh tenaga pengajar di ILPPG di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penerapan dan kaedah penerapan kemahiran 'employability' ini adalah berbeza-beza mengikut mata pelajaran yang diajar. Ianya juga berbeza dengan penerapan kemahiran 'employability' oleh para pelajar mengikut setiap subjek. Begitu juga antara tenaga-tenaga pengajar di tempat lain.

## **Rekabentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian yang bersifat deskriptif yang bertujuan untuk mengenalpasti penerapan kemahiran 'employability' yang diterapkan kepada pelajar-pelajar ILPPG semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Instrumen kajian ini dibina berdasarkan kajian yang pernah dijalankan dalam bidang berkenaan dan diubahsuai oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian yang ingin dikaji.

Cohen dan Manion, 1985 dalam Mohd. Najib, (1999) menyenaraikan jenis kaedah penyelidikan dengan lebih spesifik iaitu setiap metodologi kajian mempunyai rekabentuk kajian tersendiri antaranya kaedah deskriptif. Mereka berpendapat usaha deskriptif mengenai kaitan antara manusia, objek dan peristiwa dalam sesuatu situasi dan cuba menerangkan perubahan yang berlaku dalam kaitan tersebut berdasarkan masa.

Pengkaji telah menggunakan soal selidik sebagai sumber utama untuk mendapatkan maklumat. Kaedah soal selidik digunakan dalam kajian ini kerana kaedah ini adalah sesuai dan lebih praktikal untuk mendapatkan maklumat secara terperinci.

## **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi didefinisikan sebagai set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas kumpulan individu dan objek (Mohd. Majid, 1994). Manakala sampel pula merupakan sumber untuk mendapatkan data (Mohd. Najib, 1999). Melalui persempelan, penyelidik boleh mendapatkan

maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut.

Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar di ILPPG yang telah menjalani latihan industri seramai 85 orang. Pelajar-pelajar ini semua berada dibawah pengawasan sepenuhnya pihak ILPPG.

### **Instrumen Kajian**

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Soal selidik yang dibina adalah berdasarkan objektif yang ingin dikaji oleh penyelidik. Item-item soal selidik direka bentuk menggunakan skala likert.

Menurut Mohd. Najib (1999), penggunaan soal selidik mudah ditakbir dan datanya juga mudah untuk diproses semasa penganalisan data dilakukan. Selain itu, kelebihan soal selidik ini adalah kerana arahan serta soalan yang diberikan adalah piawai serta dalam proses melengkapkan soal selidik, responden tidak dipengaruhi oleh penyelidik. Apa yang paling penting menurut beliau adalah ketepatan dan kebenaran gerak balas responden dapat dipertingkatkan.

Soal selidik dalam kajian ini mengandungi 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi item-item demografi responden seperti jantina, bangsa, agama, umur dan kursus.

Bahagian B pula mempunyai 45 item bagi mendapatkan dan mengenalpasti objektif kajian. Pecahan item ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu kemahiran akademik, kemahiran mengurus diri dan kemahiran kerja kumpulan. Dapatan yang diperolehi dianalisis menggunakan SPSS versi 11.5 bagi mendapatkan nilai peratusan. Bagi setiap aspek, peratus dikaji bagi mengenalpasti objektif kajian. Item yang dikemukakan dalam soal selidik adalah melebihi 3 aspek.

### **Kajian Rintis**

Sebelum kajian sebenar di jalankan, pengkaji telah membuat kajian rintis. Kajian rintis ini dibuat adalah bertujuan untuk memastikan kebolehpercayaan sesuatu instrument. Oleh itu, satu kajian rintis telah di jalankan ke atas 10 orang pelajar semester 4 di ILPPG. Semua responden yang terlibat dalam kajian rintis tidak dipilih dalam kajian sebenar.

Objektif kajian rintis adalah untuk mengkaji sama ada item-item yang dikemukakan dan istilah yang digunakan tepat dan sesuai. Selain daripada itu, pengkaji juga dapat mengetahui jangka masa yang diperlukan untuk menjawab soal selidik yang diberikan.

Untuk memastikan isi kandungan soalan kajian yang dibuat adalah bersesuaian dan menepati objektif kajian yang hendak dikaji. Pengkaji telah menyerahkan soal selidik yang dibina kepada dua orang pensyarah yang berpengalaman untuk disemak dan juga disahkan kandungannya.

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan SPSS versi 11.5 untuk mengetahui nilai Alpha. Mohd. Najib (2003), mengklasifikasikan nilai 0.5 - 1.0 sebagai nilai kekuatan yang terbaik. Jika nilai Alpha tidak mencapai tahap ini, pengkaji perlu mengubah item-item agar kekuatan dan kebolehpercayaan lebih tinggi. Nilai Alpha yang diperolehi semasa pengkaji menjalankan kajian rintis ialah 0.89. keputusan soal selidik ini boleh diterima kerana ianya mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

### **Analisis Data**

Sebagai rumusan bagi bab ini, pengkaji mengemukakan purata peratusan kepada setiap persoalan kajian. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di ILPPG ini mempunyai kemahiran akademik di dalam diri mereka. Ini dapat dibuktikan, sebanyak 88.3% pelajar menyatakan bahawa mereka telah diberi penerapan kemahiran akademik di dalam diri mereka. Manakala hanya 11.1% pelajar kurang setuju dengan soalan kajian ini dan 0.6% pelajar tidak bersetuju dengan soalan kajian ini. (Lihat jadual 1)

Analisis menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di ILPPG ini boleh menguruskan diri mereka. Ini dapat dibuktikan melalui dapatan kajian bahawa sebanyak 92.8% pelajar bersetuju dengan kemahiran tersebut. Manakala sebanyak 7.0% pelajar kurang bersetuju dan hanya 0.28% tidak bersetuju dengan dengan soalan kajian ini.

Selaian itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini mempunyai kemahiran bekerja. Ini dapat dibuktikan, sebanyak 92.4% pelajar yang bersetuju dengan solan kajian ini. Mankala sebanyak 6.6% pelajar kurang bersetuju dan hanya 1.1% sahaja yang tidak bersetuju bahawa mereka tidak mempunyai kemahiran kerja kumpulan.

Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa pelajar-pelajar di ILPPG ini mempunyai kemahiran 'employability'. Ini dapat dibuktikan berdasarkan dapatan kajian bahawa sebanyak 91.2% pelajar-pelajar ini bersetuju bahawa mereka mempunyai kemahiran 'employability'. Manakala sebanyak 8.2% pelajar kurang bersetuju bahawa mereka mempunyai kemahiran 'employability' dan hanya 0.6% pelajar tidak bersetuju bahawa mereka mempunyai kemahiran 'employability'.

Jadual 1 : Hasil analisis keseluruhan persoalan kajian

No	Persoalan Kajian	Peratus (%)		
		TS	KS	S
1	Adakah tenaga pengajar menerapkan kemahiran akademik dalam proses penagajaran dan pembelajaran?	0.6	11.1	88.3
2	Adakah tenaga pengajar menerapkan kemahiran mengurus diri dalam proses penagajaran dan pembelajaran?	0.28	7.0	92.8
3	Adakah tenaga pengajar menerapkan kemahiran kerja kumpulan dalam proses penagajaran dan pembelajaran?	1.1	6.6	92.4
<b>JUMLAH PURATA</b>		<b>0.7</b>	<b>8.2</b>	<b>91.2</b>

## Perbincangan

Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di ILPPG telah diberikan penerapan kemahiran 'employability'. Ini kerana dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini mempunyai ketiga-tiga aspek kemahiran 'employability' yang dikaji iaitu kemahiran akadenik, kemahiran mengurus diri dan kemahiran kerja kumpulan

Walau bagaimanapun, kemahiran akademik berada pada pada peratusan yang terendah berbanding dengan kemahiran mengurus diri dan kemahiran kerja kumpulan. Namun begitu, peratusan keseluruhan bagi kemahiran akademik ini masih berada pada tahap yang tinggi.

Manakala, aspek kemahiran mengurus diri dan kemahiran kerja kumpulan yang dikaji menunjukkan jumlah dapatan kajian yang sama. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di ILPPG ini tahap kemahiran yang sama dalam kedua-dua aspek tersebut.

Walaupun teknik komunikasi ini tidak diajar secara formal tetapi dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan sebilangan besar para pelajar dapat berkomunikasi dengan baik sama ada secara formal ataupun tidak formal. Ini kerana komunikasi merupakan anatar kemahiran asas yang perlu ada dalam diri seseorang individu. Komunukasi juga merupakan medium utama dalam proses penyampaian maklumat. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Hoover (2002), komunikasi adalah proses untuk berkongsi maklumat dalam usaha untuk membawa manusia dan idea tersebut bersama-sama. Tanpa komunikasi semua maklumat tidak dapat disampaikan, sama ada secara lisan atau bukan lisan.

Kemahiran komunikasi yang diterapkan bukan sahaja secara lisan tetapi juga secara tulisan dan bacaan dengan penggunaan komputer dan ICT. Sebagaimana yang dinyatakan oleh SCAN (1991), antara elemen kemahiran komunikasi yang dikenalpasti sebagai penting bagi seseorang pekerja ialah kemahiran bertutur (lisan), menulis dan membaca kerana ini adalah merupakan kemahiran asas yang telah diberi penekanan semasa diperingkat kanak-kanak lagi. Penggunaan ICT tidak dinyatakan semasa kajian SCAN kerana pada tahun itu penggunaan ICT dan komputer belum digunakan secara meluas.

Kemahiran menyelesaikan masalah ini diterapkan adalah bertujuan untuk melahirkan modal insan yang diperlukan oleh negara. Ini kerana mereka yang mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah mampu mengatasi masalah yang timbul dengan cepat dan tepat dan tidak mudah berputus asa untuk mengatasi masalah yang timbul. Hal ini adalah sejajar dengan permintaan industri seperti yang dinyatakan oleh Sherpe dalam Noraini *et al.* (2003), ekonomi memerlukan pekerja yang bukan sahaja mempunyai kompetensi dalam aspek teknikal tetapi juga memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan menaankul. Tanpa kemahiran ini, beliau akan menmgahadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan.

Berdasarkan dapatan kajian mengenai penerapan kemahiran akademik membuktikan bahawa pelajar-pelajar ILPPG telah diberikan penekanan dari segi kemahiran akademik oleh tenaga pengajar mereka. Walaupun begitu masih terdapat segelintir pelajar di ILPPG tidak memperolehi kemahiran tersebut. Oleh itu, tenaga pengajar perlulah lebih giat memberikan aktiviti amali yang mampu menguji minda mereka dan mengadakan pembentangan projek amali yang mereka telah buat supaya mereka lebih berkeyakinan untuk berinteraksi dikhalayak ramai, sekaligus dapat membantu mereka berfikiran lebih kreatif dalam menghasilkan dan menilai sesuatu produk.

Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh pengkaji ke atas pelajar-pelajar ILPPG dapat memberi gambaran yang jelas mengenai penerapan kemahiran mengurus diri yang diterapkan oleh tenaga pengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran mengurus diri ini dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu bersikap positif, bertanggungjawab dan boleh menyesuaikan diri mengikut keadaan dan situasi.

Nilai-nilai murni perlulah diterapkan di dalam diri setiap pelajar di ILPPG ini. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa, pelajar-pelajar ILLPG ini sentiasa jujur dalam melakukan tugas yang diberikan. Nilai-nilai ini perlu diterapkan di dalam diri pelajar atau setiap individu supaya dapat melahirkan pekerja yang mempunyai salsiah yang tinggi. Selain itu, penerapan nilai-nilai ini penting kerana dapat melahirkan pekerja yang berdidikasi dan komited di dalam pekerjaannya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh McLersh (2002), majikan menyatakan nilai-nilai ini akan memberikan keharmonian dan produktiviti kepada persekitaran kerja, dapat memupuk hubungan yang baik diantara klien dan sumbangan yang paling penting ialah dapat menyumbang kepada kepimpinan ditempat kerja.

Kebolehan bertanggungjawab merupakan kemahiran yang diterapkan di dalam diri pelajar-pelajar di ILPPG. Sikap bertanggungjawab ini penting dalam diri individu kerana setiap individu mempunyai tanggungjawabnya yang tersendiri yang perlu dilaksanakan. Sikap bertanggungjawab ini dipecahkan lagi kepada beberapa elemen supaya mudah untuk dibincangkan.

Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh pengkaji mendapati bahawa pelajar boleh menyiapkan tugas yang diberikan dengan sempurna. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap diri mereka. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Allcock (1996), individu yang bertanggungjawab adalah individu yang melaksanakan sesuatu kerja mengikut kemampuannya. Jika seseorang pelajar itu tidak menyiapkan kerjanya dengan sempurna menunjukkan bahawa mereka tidak menggunakan kemampuan yang mereka ada sepenuhnya. Ini kerana jika kita berusaha dengan sepenuhnya dalam membuat sesuatu pekarja kerja yang dihasilkan adalah berkualiti.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di ILPPG boleh menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi. Kemahiran ini penting dalam sesebuah industri kerana kita tidak akan bekerja di sesuatu bahagian sepanjang masa, kita mungkin akan di tukar-tukarkan ke bahagian lain. Jika kita tidak diterapkan dengan sikap ini, kita tidak akan dapat menyesuaikan diri dan akan menyusahkan orang lain. Bila kita tidak dapat menyesuaikan diri, kita tidak akan dapat melaukukan kerja yang diberikan dengan baik dan ini sekaligus akan memberikesan dan menyusahkan orang lain. Hal ini, seperti yang dinyatakan oleh Radnwan *et al.*, (1998), kebolehan seseorang individu mengubah sikap atau keadaan agar dia dapat mengamalkan perlakuan baru yang telah dipelajarinya supaya dapat menyesuaikan diri dan tidak menyusahkan orang lain.

## **Rujukan**

- Azalya Ayob (2003). *Kepentingan Kemahiran Geberik Di Kalangan Pelajar Di Industri Elektrik/ Eleetronik* Di Bayan Lepas Pulau Pinang. Universiti Teknologi Malaysia; Sarjana Muda.
- Buck, L. L. And Barrick, R. K. (1987). *They're Trained. But Are They Employable?* Vocational Education Journal. (ERIC J355 193) vol. 62. no.5.29-31
- Brown, B.L. (2002). *Generic Skills In Creer And Technical Education*. Educationl Resources Infomation Center (ERIC). No. 22
- Cassel, R.N. (1998). *Career Readness For The Communication Age On Future 500 Jobskill Needs*. Journal Of Insdustrial Psylogy. Vol.25. Issue 4. Pg 222
- Dobbins, R. And Pettmen, B. O. (1997). *Self Development: Nine Basic Skills For Bussiness*. The Journal Of Management Development. Vol.6. Num.8
- Eunson, B. (1997). *Behaving Managing Yourself And Others*. Sydney.: Mcgraw Hill Book Company.
- Hashim Fauzy Yaacob (2001). *Komunikasi Antara Manusia*. Unuversiti Teknologi Malaysia
- Knippen, J.T. And Green, F.B. (1997). *Problem Solving Journal Of Work Pleaca Learning*. Vol.9. Num3. 98-99
- Low, Eng Guen (1999). *Infusing Critical And Creative Thingking Skills In Teaching And Learning*. Suara Pendidik. 21, 26 -31
- Mcleish, A. (2000). *Amployability Skills, For Australian And Medium Enterprise*.
- Mohd Azhar Abd Hamid (2001). *Pengenalan Pemikiran Kritis Dan Kreatif*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Noraini Mohd Noor et al. (2003). *Pengintegrasian Kemahiran Bolehguna Yang Dianggap Penting Untuk Pekerjaan Oleh Industri dan Guru Teknik dan Vokasional Di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Penyelidik
- Ong Kok Bin (1998). *The Art Of Success*. Selangor: Pelanduk Publication (M) Sdn.Bhd.
- Raduawan Safperwan, Paul, J. Dan Mustafa Mohamad (1998). *KKM Latihan Untuk Jurulatih*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Scarnati, J.T. (2001). *On Becaming A Team Plyer. Team Performance Manafment: An Interpersonal Journal*. Vol.7.Num.1/2. 5-10
- Stevens, M. (1996). *How To Be A Problem Solver*. Enggland: Clays Ltd.
- The Conference Board Of Canada (1996). *Yukan Work Futures Skill For Today's Workplace*. Ottawa Ontario
- The Conference Board Of Canada (2000). *Employability Skills 2000+*. Ottawa Ontario
- Zinser, R. (2003). *Developing Career And Employability Skills: A US Case Study. Education + Traning*. Vol.45. Num.7